

13/02/2000

Napsiah sah hanya pertahan jawatan

Ziauddin Sharuddin

SEREMBAN: Datuk Napsiah Omar bulan lalu menawarkan diri bertanding jawatan Ketua Wanita, semalam mengesahkan hanya akan mempertahankan jawatan yang disandangnya, pada pemilihan parti Mei ini.

Katanya keputusan itu dibuat setelah beliau memikirkan keadaan Umno kini serta kedudukan wanita dan pendiriannya adalah untuk kebaikan parti dan pergerakan wanita.

"Saya sudah fikir masak-masak...sekarang ini biarlah saya mempertahankan jawatan walaupun ramai yang gembira apabila saya menawarkan diri untuk bertanding jawatan Ketua Wanita.

"Saya bukan tiada kekuatan, tetapi saya melihat keadaan...saya tetap dapat berkhidmat (dengan mempertahankan jawatan)," katanya pada sidang akhbar di Wisma Umno Negeri Sembilan di sini semalam.

Beliau berkata demi kebaikan semua pihak, keutamaan sekarang ialah memperkukuhkan parti serta membela rakyat dan pengundi.

Sehubungan itu, beliau berharap perwakilan akan mencalonkannya bagi jawatan Naib Ketua. Napsiah memegang jawatan itu sejak 1988.

Bagaimanapun, katanya ini tidak bermakna beliau tidak menerima pencalonan jawatan lain, tetapi terpulang kepada perwakilan untuk meletakkannya pada jawatan yang sesuai.

"Saya akan melihat keadaan nanti. Kalau tiada orang hendak bertanding jawatan Ketua Wanita, saya tidak akan melepaskan tanggungjawab saya sebagai orang parti.

"Kalau itulah kemungkinan yang saya rasa kecil sekali...mungkin tidak akan berlaku. Ini adalah kemungkinan, jadi waktu itu kita akan buat keputusan," katanya.

Napsiah yang juga bekas Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco) penggal lalu dan sebelum itu, Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat berkata, ketika ini beliau mahu mempertahankan jawatannya.

"Ini bermakna saya tidak mengusik sesiapa. Saya hanya mengisi kehendak parti dan wanita," katanya.

Beliau menolak keputusan itu dibuat atas dasar kompromi dan sebaliknya berkata, keputusan itu adalah untuk kebaikan parti dan peluangnya untuk berkhidmat kepada parti tetap ada.

Katanya, keputusan itu juga bukan kerana campur tangan atau restu `orang atas'.

"Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) tidak campur. Siapa yang hendak bertanding, bertandinglah. Semua pihak bebas untuk bertanding. Cuba lihat air muka...saya memang rela dan hendak bertanding (mempertahankan jawatan)," katanya.

Mengulas mengenai `kekurangan' dirinya dari segi ketiadaan jawatan dalam kerajaan, Napsiah menyuarakan keyakinan bahawa perwakilan wanita kali ini semakin matang.

Menurutnya, tidak semua perwakilan hanya memandang jawatan kerana ada ciri lain turut dipertimbangkan.

Katanya, ada perwakilan berpendirian walaupun tidak berjawatan dalam kerajaan, beliau tetap orang Umno dan Barisan Nasional (BN) serta bukan pembangkang.

Malah, katanya orang Umno yang bukan orang kerajaan mempunyai kelebihan kerana mempunyai banyak masa untuk berkhidmat kepada parti.

Beliau berkata, sesetengah orang mungkin kecewa tidak berjawatan, tetapi keadaan itu tidak sepatutnya berlaku kerana mereka masih boleh memberi

sumbangan kepada parti.

"Oleh kerana saya tidak terikat dengan kerajaan, saya berpendapat orang parti akan lebih menghargai kerana saya boleh menawarkan perkhidmatan dalam parti," katanya.

Selain itu, katanya oleh kerana kerajaan dibentuk oleh parti, sudah tentu kerajaan sepatutnya mengikut cakap parti dan bukan parti mendengar cakap kerajaan.

Mengenai kemungkinan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Shahrizat Jalil, bertanding jawatan yang sama, katanya semua orang boleh menawarkan perkhidmatan dan terserah kepada perwakilan menentukan.

Bekas Ketua Wanita, Datuk Seri Rafidah Aziz, ketika menawarkan diri merebut semula jawatan itu, bulan lalu, mencadangkan supaya Shahrizat turut bertanding Naib Ketua.

Bagaimanapun, Majlis Tertinggi Umno yang memperkenalkan kod etika berkempen melarang pertandingan secara berpasukan.

Napsiah berkata, lebih baik beliau bertanding berdasarkan kekuatannya sendiri dan bukan secara berpasukan, apatah lagi cara itu dilarang oleh Majlis Tertinggi.

"Hari ini apabila tidak ada pasukan, siapa sokong siapa adalah rahsia. Yang buat keputusan adalah perwakilan. Biarlah perwakilan bebas membuat pilihan," katanya.

(END)